

Malaysia perkukuh kesepaduan, lakar arah ASEAN menuju 2045

BERITA HARIAN 10 JUL 2025

m/s. 6

Anwar mahu negara anggota kekal prinsip perjuang keadilan, undang-undang antarabangsa

Oleh Zanariah Abdul Mutalib, Suzalina Halid dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: ASEAN mesti kekal sebagai wahana berprinsip yang memperjuangkan keadilan, undang-undang antarabangsa dan suara warga tertindas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia komited memperkukuh kesepaduan dan memetakan arah rantaunya itu menuju 2045.

Beliau berkata, ASEAN tidak lahir daripada suasana mudah, tetapi terbentuk daripada kerumitan dan semangat dialog yang mesti terus dipelihara.

"Di tengah pergolakan geopolitik global, dari Gaza, Ukraine, Myanmar hingga Asia Barat kita tidak boleh tunduk pada retorik kuasa atau prinsip yang hanya ditegakkan apabila ia cocok dengan keadaan semasa," katanya pada ucapan pembukaan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-58 di sini, semalam.

Majlis dihadiri Menteri-Menteri Luar ASEAN, Menteri Luar Timor-Leste dan Setiausaha Agung ASEAN, Dr Kao Kim Hourn.

Beliau berkata, kekuatan dalam ASEAN perlu diperkatakan dengan meningkatkan per-



Anwar dan Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan bersama Menteri Luar ASEAN pada Majlis Perasmian AMM Ke-58 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)



dagangan, pelaburan rentas sempadan dan menyegerakan integrasi ekonomi serantau.

Beliau juga berkata, ASEAN tidak akan membiarkan keputusannya ditentukan kuasa luar, sebaliknya menjadi rantau yang berani menentukan nasibnya sendiri dengan satu suara, keberanian dan tekad yang jitu.

Pada masa sama, beliau berkata, Malaysia mahu negara anggota ASEAN mengekalkan 'Cara ASEAN' yang berteraskan komit-

men untuk menguruskannya melalui sikap saling menghormati, dialog berterusan dan mencari kesepakatan bersama.

Katanya, kekuatan ASEAN bukan terletak pada ketiadaan ketegangan, sebaliknya kepada komitmen terhadap aspek itu.

Bina ekonomi lebih kukuh

Beliau berkata, 'Cara ASEAN' itu perlu dikekalkan sebagai panduan bersama dengan berpaksikan kepada Kepusatan ASEAN (*ASEAN Centrality*).

"Kita mencapainya dengan memupuk budaya kerjasama, kesediaan untuk terus berhubung, walaupun masa lalu mencabar dan masa kini menguji," katanya.

Beliau berkata, membina ekonomi ASEAN yang lebih kukuh dan

erat suatu keperluan strategik yang menjadi tunjang kepada ketahanan dan tahap relevan blok itu bagi dekad akan datang.

"Keperluan untuk bertindak dengan tujuan yang jelas di ASEAN tidak boleh diperkecilkan dengan mengukuhkan kerjasama bersifat praktikal.

"Ia membabitkan aspek keterhubungan, keselamatan makanan, transformasi digital, pendidikan, kesihatan awam dan daya tahan iklim," katanya.

Perdana Menteri berkata, Kepusatan ASEAN adalah aspek paling penting yang perlu menjadi 'bintang tunjuk arah' (*North Star*) bersama, dalam usaha berterusan untuk mengukuhkan dan memperbaharui institusi di pimpin blok itu.

Anwar juga berkata, tarif, sekat eksport dan halangan pelaburan kini menjadi senjata 'tajam' dalam persaingan geopolitik yang mesti didepani ASEAN.

Katanya, senario itu menunjukkan realiti bahawa kuasa kini bukan lagi alat untuk membentuk perdagangan dan menjana pertumbuhan, sebaliknya sudah berubah kepada fokus untuk memberi tekanan, pengasingan dan mengenakan sekat.

Katanya, keadaan itu bukan sesuatu yang sementara, tetapi suatu landskap baharu yang perlu dihadapi dunia.

"Kekuatan kesepaduan kita tidak boleh terhenti pada kenyataan bersama semata-mata. Ia mesti diterapkan dalam institusi, strategi dan keputusan ekonomi kita," katanya.

Justeru, Perdana Menteri menggesa penyelarasan lebih kukuh dalam dasar luar dan ekonomi ASEAN, sejajar Visi ASEAN 2045 yang menuntut sinergi merentasi tonggak dan sektor.

Pada masa sama, Perdana Menteri menegaskan, ASEAN mesti sentiasa menjadi pihak yang mempertahankan peraturan, walaupun ketika pihak lain memilih untuk mengundurkan diri.

"Kita juga bimbang dengan ketegangan yang semakin memuncak di Asia Barat, yang mana tindakan sebuah negara terhadap negara jirannya memberi ancaman untuk mencetuskan pergolakan serantau lebih besar dan risikonya juga amat besar terhadap keselamatan negara, kestabilan global dan kehilangan undang-undang antarabangsa.

"Sistem multilateralisme tidak mampu bertahan jika prinsipnya hanya ditegakkan apabila ia mudah atau menguntungkan," katanya.